

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA



MAJLIS DAERAH JELEBU NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) & mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputra (STB) yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam gred / kelas dan kategori / pengkhususan / jenis pendaftaran / kod bidang yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi menyertai sebutharga kerja yang berikut:

NO. SEBUTHARGA	PERKARA	GRED/ KATEGORI/ KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARIKH PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN DOKUMEN
KEJ.BIL.9/2023	MEMBINA BARU 25 UNIT KIOSK DI TAPAK PUSAT PENJAJA PEKAN KUALA KLAWANG, MD JELEBU	G2 CE, B CE21, B04	RM 50.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)	<p style="text-align: center;"><u>Tarikh:</u> 8 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)</p> <p style="text-align: center;"><u>Masa Pendaftaran:</u> 9.00 pagi hingga 10.00 pagi</p> <p style="text-align: center;"><u>Taklimat:</u> 10.00 pagi</p> <p style="text-align: center;">Semua kontraktor DIWAJIBKAN untuk mendengar taklimat sebutharga dan menghadiri lawatan tapak</p> <p style="text-align: center;"><u>Tempat:</u> Majlis Daerah Jelebu, Wisma MDJ, Jalan Simpang Pertang, 71600 Kuala Klawang, Negeri Sembilan</p>	<p>Bahagian Perbendaharaan, Majlis Daerah Jelebu, Wisma MDJ, Jalan Simpang Pertang, 71600 Kuala Klawang, Negeri Sembilan</p> <p><u>Tarikh :</u> 8 SEPT. 2023 (Jumaat) hingga 14 SEPT. 2023 (Khamis)</p> <p><u>Masa :</u> (Isnin – Khamis) 8.30 Pagi – 3.00 Petang (Jumaat) 8.30 Pagi – 12.00 Tengah Hari</p>	<p><u>15 SEPTEMBER 2023</u> <u>(JUMAAT)</u></p> <p>Sebelum atau pada Jam 12.00 tengah hari</p> <p style="text-align: center;">di</p> <p style="text-align: center;">Bahagian Kejuruteraan & Pembangunan, Majlis Daerah Jelebu, Wisma MDJ, Jalan Simpang Pertang, 71600 Kuala Klawang, Negeri Sembilan</p>

LAMPIRAN I

2. Untuk maksud ini, kontraktor yang berminat untuk memperolehi borang sebut harga hendaklah membawa bersama Cop Syarikat dan **SALINAN ASAL** item yang berikut :
 - i. Perakuan Pendaftaran Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - ii. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB) , Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh BPKU
 - iii. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat oleh Kementerian Kewangan Malaysia (jika berkaitan)
 - iv. Sijil / Surat Pendaftaran Cukai Jualan dan/atau Cukai Perkhidmatan (SST) dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berdaftar)
 - v. Kad Pengenalan Pemilik Berdaftar
3. Kontraktor hendaklah berdaftar dengan Majlis Daerah Jelebu bagi tahun semasa. Semakan akan dibuat dan hanya **penama** berdaftar dengan Majlis Daerah Jelebu serta mempunyai Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB), dan Kad Pengenalan pemilik berdaftar akan dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak. **Wakil adalah tidak dibenarkan dan surat wakil tidak akan diterima sama sekali. Kegagalan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak akan menyebabkan tawaran sebutharga tidak akan dipertimbangkan.**
4. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan ditulis No.Sebut Harga di bahagian atas sebelah kiri dan dimasukkan dalam Peti Sebut Harga dalam alamat di atas. Tawaran yang lewat tidak akan diterima.
5. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang sebut harga atau mengemukakan sebab-sebab sebut harga tersebut ditolak atau dibatalkan dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.
6. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen sebutharga tidak akan dikembalikan dan segala kos akan ditanggung sendiri oleh pihak syarikat / kontraktor. Majlis Daerah Jelebu berhak membatalkan tawaran sebutharga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan.
7. Adalah diingatkan bahawa kegagalan tuan / puan bagi mematuhi arahan-arahan tersebut boleh menyebabkan pertimbangan terhadap sebutharga tuan akan terjejas.
8. Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut boleh berhubung terus dengan dengan pejabat ini di talian **06-6136479** pada waktu pejabat dari **pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang.**



(ABDUL RAHIM BIN A.AZIZ)

Yang Di Pertua,
Majlis Daerah Jelebu



Tarikh: 1 SEPTEMBER 2023